

Pembantu rumah mangsa tekanan kerja

4 Metro 4/2/2000

KUALA LUMPUR: Tekanan perasaan kerana pelbagai masalah dihadapi menyebabkan majikan melepaskan geram kepada pembantu rumah yang melakukan kesalahan berulang dan gagal memenuhi kehendak mereka.

Kaunselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Rokiah Mahmood, berkata masalah kewangan, perniagaan dan pelbagai kesulitan lain menyebabkan majikan mengalami tekanan perasaan dan mudah marah.

"Jika waktu itu, pembantu rumah pula tidak cekap dan melakukan kesalahan berkali-kali, majikan menjadi mudah marah, lalu menghukum mereka," katanya.

Beliau berkata, ada juga majikan menganggap mereka berkuasa dan akan men-

dera pembantu rumah yang melakukan kesalahan.

"Majikan berasa mereka sudah menghabiskan banyak wang untuk mendapatkan pembantu rumah dan mahu kan balasan yang setimpal dengan belanja yang dikeluarkan," katanya.

Menurutnya, kerana itu, mereka mudah menghukum pembantu yang tidak pandai melakukan kerja rumah.

"Ada kalanya, kesalahan itu kecil saja seperti membazirkan air ketika membasuh pinggan tetapi jika dilakukan berulang kali menyebabkan majikan hilang sabar dan menghukum mereka," katanya.

Rokiah mengulas kes pembantu rumah terutama dari Indonesia yang didera majikan.

Beberapa pembantu rumah berkenaan mendakwa mere-

ka didera dan dipukul setiap kali melakukan kesalahan.

Antara kesalahan yang dilakukan ialah terlewat membersihkan peti sejuk dan ada juga yang beragama Islam diminta menyediakan makanan tidak halal.

Di samping itu, seorang pembantu rumah mendakwa sering dipukul melakukan hubungan seks oleh majikan berusia 86 tahun dan jika bersetuju dia akan diberi RM200.

Rokiah berkata, majikan yang menggajikan pendatang asing juga menganggap mereka boleh memukul atau mendera kerana pembantu mereka tidak berani mengadu pada pihak berkuasa.

"Apa lagi jika pembantu rumah berkenaan memasuki negara ini tanpa permit sah, mereka tidak akan berani bersuara," katanya.

Bagaimanapun, Rokiah berkata, untuk mengatasi masalah ini, majikan sepatutnya lebih bersikap tolak-an-sur dan tidak bertindak di luar batasan kemanusiaan.

"Menghukum pembantu rumah tidak akan menyelesaikan masalah kerana ada banyak cara lain untuk menyelesaikannya seperti mengambil pembantu rumah baru atau bersabar melatihnya.

"Majikan juga harus ingat sukar bagi mereka mendapat pembantu rumah yang sempurna dan mampu memenuhi semua kehendak mereka," katanya.